

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan untuk menggantikan kelengkapan perubatan hospital-hospital di Sabah dan Sarawak yang berkeadaan daif bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat di kedua-dua negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil berat tentang kualiti perkhidmatan hospital-hospital di bawah KKM termasuk di Negeri Sabah dan Sarawak terutamanya dalam menghadapi wabak Covid-19.
2. Bagi tahun 2020, **KKM telah memperuntukkan sebanyak RM157.88 juta kepada negeri Sabah dan Sarawak bagi tujuan penggantian peralatan perubatan usang dan penambahan peralatan perubatan baharu.** Peruntukan tersebut merangkumi penggantian dan perolehan alatan perubatan seperti:
 - a) Mesin Hemodialisis;
 - b) LINAC (*Linear Accelerator*) – mesin rawatan kanser;
 - c) MRI (*Magnetic Resonance Imaging*);
 - d) Alat Bantuan Pernafasan (Ventilator);
 - e) Katil ICU;
 - f) Patient Monitor; dan
 - g) PAPR (*Powered Air Purifying Respirator*)

Sekian, terima kasih.